

23 OCT 2003

Isa-Mahathir

DR MAHATHIR UMPAMA PENDETA, KATA ISA

PORT DICKSON, 23 Okt (Bernama) -- Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad menyifatkan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai pendeta dan pemikir Islam sejati kerana banyak dasar yang dilaksanakannya berteraskan penguasaan ilmu dan penerapan nilai murni dalam Islam.

"Nilai-nilai murni dalam agama Islam banyak, cuma Dr Mahathir mengambil nilai-nilai yang boleh diterima oleh semua kaum di Malaysia," katanya merasmikan seminar bertajuk "Dr Mahathir Pemikir Islam Abad ke-21" anjuran Jabatan Hal Ehwal Khas (JHEK) negeri, di sini hari ini.

Seminar sehari itu dihadiri oleh kira-kira 500 peserta yang mewakili jabatan dan agensi kerajaan, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta.

Menteri Besar berkata, Dr Mahathir bukan sahaja pemikir Islam semata-mata, malah juga ahli fikir dalam semua bidang terutama sekali bidang ilmu dan kehidupan.

Katanya, sepanjang 22 tahun Dr Mahathir memimpin Malaysia, beliau tidak pernah jemu menggalakkan rakyat menguasai pelbagai bidang ilmu.

Beliau sentiasa menggalakkan rakyat menguasai pelbagai jenis ilmu, contoh yang terbaru ialah ilmu Matematik dan Sains supaya diajar dalam Bahasa Inggeris kerana bahasa itu adalah bahasa ilmu hari ini, katanya.

Menteri Besar itu berkata, Perdana Menteri juga banyak mengarang buku yang mengajak pembacanya supaya berfikir, seperti buku yang telah menimbulkan kontroversi suatu masa dahulu iaitu "Malays Dilemma".

Malah, dalam ucapannya semasa merasmikan Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) baru-baru ini, Perdana Menteri telah menyedarkan umat Islam di seluruh dunia mengenai kepentingan menguasai ilmu, katanya.

Dr Mahathir berkata, orang Yahudi yang berjumlah kira-kira 12 juta mampu menguasai dunia kerana mereka telah mempelajari banyak ilmu dan menggunakan ilmu itu sebaik mungkin, katanya.

-- BERNAMA

ZAW APG BK